



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“PEMBANGUNAN LESTARI - NIKMATNYA DISYUKURI”

1 Disember 2023 / 17 Jamadil Awal 1445

الْحَمْدُ لِلّٰهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَى وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَ عَلَى الَّذِينَ كُفَّارٌ وَكَفَّارٌ بِاللّٰهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَيْ يَوْمِ الدِّين. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ! اتَّقُوا اللّٰهَ³ أَوْصِيهِمْ وَإِيَّاهُمْ بِتَقْوَى اللّٰهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dimuliakan,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya; semoga dipermudahkan perhitungan kita di Padang Mahsyar, diberatkan timbangan amal kebaikan serta dicucuri rahmat Ilahi menjadi penghuni syurga Nya. Bersempena sambutan Hari Profesional Teknikal Negara pada hari Sabtu pertama bulan Disember, mimbar akan memperdengarkan khutbah bertajuk:

“PEMBANGUNAN LESTARI - NIKMATNYA DISYUKURI”

Firman Allah SWT ayat 37 surah Hud:

﴿وَاصْنَعْ الْفُلْكَ بِأَعْيُنِنَا وَوَحْيِنَا وَلَا تُخْطِبُنِي فِي الَّذِينَ ظَلَمُوا إِنَّهُمْ مُغْرَقُونَ ﴾

Bermaksud: Dan binalah bahtera itu dengan pengawasan dan panduan melalui wahyu Kami, dan janganlah kamu berbicara dengan Aku tentang orang yang zalim itu. Sesungguhnya mereka itu akan ditenggelamkan (dalam ribut dan banjir besar).

Allah SWT telah menetapkan syariat Islam sebagai asas kejayaan dan jalan kebahagiaan dalam segenap aspek kehidupan manusia. Ilmu-ilmu sains, teknologi dan kejuruteraan menjadi pemangkin utama dalam usaha membangun ummah

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



dan memajukan negara. Namun ilmu-ilmu sains, teknologi dan kejuruteraan mesti bertunjangkan tauhid kepada Allah Yang Maha Esa, agar manusia tidak tergelincir akidah atau terpesong imannya.

Pelbagai fakta disahkan dan pelbagai kebenaran ditemui melalui penyelidikan sains dan teknologi. Kesahihan fakta dan penemuan kebenaran melalui sains dan teknologi itu, hendaklah meningkatkan iman kita, juga mengukuhkan keyakinan kita akan kekuasaan, kebesaran dan keagungan Allah SWT.

Jemaah Yang Dirahmati Ilahi

Bidang teknologi kejuruteraan ialah cabang ilmu yang bertujuan memberikan manfaat kepada manusia sejagat. Pada hakikatnya, teknologi kejuruteraan membantu manusia memenuhi tugas khalifah untuk melaksanakan tanggungjawab fardu kifayah di muka bumi ini. Pemikir Islam, Ibnu Khaldun meletakkan teknologi (صناعة) sebagai ciri penting peradaban manusia. Imam al-Tabari menukilkhan dalam karyanya, bahawa andas, penyeprit, batu asah, dan tukul diturunkan bersama perutusan Nabi Adam AS ke bumi sebagai asas dan permulaan peralatan teknologi.

Ummah seharusnya mencontohi kegigihan para cendekiawan Islam menerokai ilmu sehingga berjaya mencipta pelbagai teknologi. Al-Khawarizmi, Jabir Ibnu Hayyan, Al-Battani, Abbas Ibnu Firnas dan Ismail Al-Jazari, merupakan antara tokoh yang memberikan sumbangan besar dalam bidang-bidang teknologi kejuruteraan, astronomi, fizik dan aeroangkasa. Ummah pada hari ini wajib menyambung usaha-usaha yang telah dirintis oleh ilmuwan terdahulu untuk menghasilkan teknologi terbaru yang lebih menepati keperluan semasa.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Hendaklah diambil iktibar kisah-kisah yang terkandung dalam al-Quran yang memaparkan walaupun teknologi kejuruteraan dan pencapaian hebat umat terdahulu seperti kaum Tsamud, dan Kaum Ad, begitu canggih dan hebat menebuk gunung-gunung yang besar untuk dijadikan istana dan menara, namun apabila mereka menafikan keesaan Allah SWT, melanggar perintah Nya dan tidak bersyukur, segala usaha dan kemajuan mereka diranapkan oleh Allah SWT seperti firman Nya dalam surah al-Rum, ayat 42:



Bermaksud: Katakanlah (wahai Muhammad), "Berjalanlah kamu di muka bumi, lalu lihatlah bagaimana kesudahan kaum terdahulu (yang telah dibinasakan); kebanyakan mereka ialah orang musyrik (mempersekuatkan Allah)".

Insaflah! walau sehebat mana pun teknologi serta keupayaan manusia, kehebatan manusia tidak akan sesekali dapat mengatasi ketinggian ilmu Allah SWT. Oleh itu, jadilah ummah yang tidak bersifat riak – tidak bersifat takbur, tetapi mengamalkan sifat seorang hamba yang sentiasa mensyukuri nikmat dan kurniaan Allah SWT.

Jemaah Yang Dirahmati Ilahi

Tidak dapat dinafikan, kesan dan pengaruh perkembangan teknologi dan ledakan kemajuan kejuruteraan pada hari ini yang telah mengubah corak hidup manusia. Dengan akal kurniaan Ilahi, manusia berjaya mereka cipta pelbagai peralatan, membina dan membangunkan pelbagai prasarana, bangunan, masjid, hospital, lebuh raya, jambatan, pelabuhan, kapal, pesawat, dan pelbagai lagi.

Ambillah pengajaran daripada ketaatan Nabi Nuh AS sewaktu menjunjung perintah Allah SWT untuk membina sebuah bahtera. Baginda membina bahtera tersebut dengan berazam, tekun dan teliti; reka bentuk bahtera diolah dengan teknologi pembinaan berpandukan akal dan petunjuk Ilahi, seperti yang terkandung dalam ayat 37 surah Hud yang khatib bacakan pada awal khutbah. Lalu terbina sebuah bahtera yang memiliki daya tahan untuk mengharungi banjir besar. Dengan penentuan Allah SWT, orang-orang yang beriman, haiwan dan binatang ternakan diselamatkan.

Jemaah Yang Dirahmati Allah

Bidang-bidang teknologi, teknikal dan kejuruteraan berperanan penting menjayakan usaha membangun dan memajukan negara. Tenaga kerja teknikal seperti jurutera, jurubina, juru ukur bahan dan tanah, pakar kaji bumi dan juruteknik, masing-masing berperanan kritikal menjayakan kerja-kerja binaan dan pembangunan. Mereka merupakan tenaga mahir dan tenaga profesional yang telah menyempurnakan tanggungjawab fardu kifayah, yang telah menyejahterakan kehidupan ummah dan sangat besar jasanya kepada negara dan rakyat. Semoga mereka tergolong dalam kalangan manusia yang dilimpahi rahmat Allah SWT selaras dengan sabda Rasulullah SAW daripada hadis riwayat Imam at-Tabarani, yang bermaksud;



"Sebaik-baik manusia adalah orang yang paling banyak memberikan manfaat kepada manusia lain".

Khatib menzahirkan penghargaan kepada seluruh warga kerja di Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Lebuh Raya Malaysia (LLM) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) sebagai agensi teknikal di bawah Kementerian Kerja Raya yang telah mencurahkan tenaga dan sumbangsan kepada negara. Mudah-mudahan warga kerja di jabatan dan agensi tersebut, sentiasa istiqamah menumpukan sepenuh hati dan kesungguhan kepada pembangunan negara demi kesejahteraan rakyat.

Mimbar memperingatkan empat perkara berikut:

Pertama: Bidang-bidang sains, teknologi dan kejuruteraan berperanan penting dalam kehidupan manusia. Menguasai bidang-bidang pengajian tersebut merupakan fardu kifayah yang wajib dipenuhi. Ummah yang berjaya ialah ummah yang memiliki kepakaran menguasai bidang-bidang sains, teknologi dan kejuruteraan.

Kedua: Ilmu sains, teknologi dan kejuruteraan kurniaan Ilahi hendaklah digunakan dan dimanfaatkan untuk membantu memudahkan kehidupan dan meningkatkan kualiti kehidupan ummah.

Ketiga: Ilmu-ilmu sains, teknologi dan kejuruteraan jangan sama sekali disalahgunakan untuk memusnahkan manusia dan merosakkan alam dan mengancam keselamatan dan kehidupan manusia. **Keempat:** Segala kemajuan teknologi dan kemudahan yang dimiliki mestilah berada dalam ruang untuk ummah menggapai keredaan Allah SWT selaras dengan firman yang terkandung dalam Surah Ali Imran ayat 191, bermaksud; "(laitu) orang yang menyebut dan mengingati Allah ketika berdiri, duduk atau dalam keadaan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (lalu berkata), "Wahai Tuhan kami, tidaklah Engkau menciptakan benda-benda ini dengan sia-sia. Maha suci Engkau, maka peliharalah kami daripada azab api neraka"

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلِ
مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيْبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! إِتَّقُوا اللَّهَ، وَكُوْنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَكِتِكَ تَهُوَ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْيَاهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُوْأَعَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَحِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَالْأَفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثِئْتُهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ^{جَعَلَ اللَّهُ عَلَيْهِ الْحَمْدَ}.
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخْوَاتَنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ
أَهْلَهَا وَانْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin! Anugerahkan kepada warga kerja di bidang sains, teknikal dan kejuruteraan, kesungguhan, kecekalan dan ketabahan, melaksanakan tanggungjawab fardu kifayah dengan jujur, ikhlas dan telus, demi memastikan kerja-kerja pembinaan di negara ini dilakukan dengan sempurna demi keselamatan para pengguna.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fugara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الْأُخْرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.